

# Menyemai bakti anak

Star 9/12/2011 MS 2.

# Kafa Al-Insaniah

Sebahagian murid berpeluang teruskan pembelajaran meskipun tidak mampu bayar yuran sekolah

MELATI MOHD ARIFF

**M**eskipun negara maju, tidak semua anak mampu disekolahkan. Terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada kegagalan itu seperti masalah keluarga dari segi kewangan, kesihatan mahupun kesedaran dan tanggungjawab ibu bapa.

Sebahagian kisah pahit dan duka golongan kanak-kanak itu wujud di Kelas Al Quran dan Fardhu Ain (Kafa) Integrasi Al-Insaniah, Jalan PJU 1A/42, Taman Putra Damai, Lembah Subang, Petaling Jaya. Kebanyakan mereka datang daripada keluarga berpendapatan rendah dan mempunyai adik-beradik yang ramai.

Pengasas Kafa Integrasi Al-Insaniah, Ustazah Norazainah Adnan dan Ustazah Siti Hawa Sharif berkata, pihak sekolah membantu mereka yang benar-benar memerlukan dengan mengecualikan mereka daripada bayaran yuran di samping makanan tambahan. Bagaimanapun, kewangan terhad membolehkan 70 kanak-

Norazainah memberi tunjuk ajar kepada salah seorang muridnya.



NORAZAINAH



SITI HAWA

Situasi yang dialami sekolah itu mendapat perhatian daripada sekumpulan badan sukarelawan yang bergelar Ummiku Sayang, yang dianggotai golongan ibu. Menerusi laman Facebook "Bantu Kafa Integrasi Al-Insaniah", kumpulan itu berjaya mengumpulkan lebih RM70,000.

Sebanyak RM22,000 dibelanjakan untuk membina semula pagar batu di sekeliling sekolah bagi menghalang kejadian pecah masuk. Manakala RM50,000 lagi digunakan untuk membina sebuah surau untuk sekolah berkenaan. Selain itu, dermawan Datuk Abdul Satar Khan menyumbang

kanak sahaja menerima makanan tengah hari yang membabitkan perbelanjaan kira-kira RM2,100 sebulan.

## BERMULA DI SURAU

Norazainah mempunyai pengalaman selama 14 tahun sebagai guru tadika, manakala Siti Hawa telah menjadi guru agama kira-kira 15 tahun. Sebelum penubuhan Kafa ini, mereka berdua mengambil inisiatif mengadakan kelas agama di surau Insaniah Blok D PPRT (Program Pembangunan Rakyat Termiskin) Taman Putra Damai.

Norazainah ketika itu menyandang jawatan Ketua Muslimah Jawatankuasa Surau Insaniah. Kelas agama yang menampung kira-kira 90 murid diadakan di surau berkenaan selama dua tahun sebelum berpindah ke lokasi sekarang pada 15 Januari 2003. Meskipun saiz sekolah itu kecil, sesi persekolahan pertama menerima 500 murid untuk mempelajari mata pelajaran termasuk al-Quran, Fiqah, Tauhid, Bahasa Arab, Akhlak dan Jawi.

Norazainah yang juga mengajar di Kafa Al-Insaniah, mengambil berat kebajikan anak-anak di PPRT Taman Putra Damai agar tidak tercicir daripada mendapatkan pendidikan agama. Setiap kali melihat ada anak yang bermain di luar kawasan sekolah pasti dia akan bertanya mengapa mereka tidak datang ke sekolah agama itu. Tidak cukup dengan alasan yang diberikan, dia akan menyusul pula ke rumah untuk menggalakkan ibu bapa berkenaan

menghantar anak ke sekolah.

"Alasan yang sering diterima adalah tidak ada wang untuk membayar yuran sekolah. Saya meminta ibu bapa hantar dulu anak ke sekolah dan soal kewangan boleh dibincangkan kemudian.

"Saya susah hati dan bimbang sekiranya anak ini tidak dibekalkan dengan pendidikan agama, ia merosakkan diri mereka kelak," katanya yang juga Naib Pengerusi Jawatankuasa Pentadbiran Kafa Al-Insaniah.

## KOS OPERASI

Kafa Integrasi Al-Insaniah kini mengadakan kelas sesi pagi dan petang bagi 450 murid yang kebanyakannya dari kawasan setinggan Taman Medan, Kampung Cempaka, Kampung Kayu Ara dan Kampung Sentosa. Malah ada kalangan murid yang ibu bapa sudah bercerai atau ibu tunggal setelah suami meninggal dunia. Hampir 50 peratus murid di Kafa Integrasi Al-Insaniah tidak mampu membayar yuran sekolah.

Siti Hawa berkata, pihak sekolah lazimnya akan mengeluarkan surat jika ada tunggakan yuran, namun hanya segelintir mampu membayar penuh manakala sebahagian besar lagi ibu bapa bertindak memberhentikan sahaja persekolahan anak masing-masing.

"Ini membuatkan kami pula yang merasa bersalah. Keadaan yang sama berlaku pada 2006 apabila masuk murid baru. Kali ini pihak kami lebih berhati-hati dan menyelidik dahulu latar belakang ibu bapa murid sebelum mengeluarkan surat peringatan,"

katanya.

Atas rasa keprihatinan, pengurusan sekolah membenarkan anak yang tidak mampu membayar yuran untuk meneruskan persekolahan mereka. Ini membolehkan anak itu teruskan belajar meskipun tidak dapat bayar yuran. Untuk menampung perbelanjaan pengurusan sekolah, beberapa inisiatif dibuat termasuk aktiviti mengumpul dana di samping menerima sumbangan dermawan, Kementerian Pelajaran serta bantuan zakat.

Kutipan yuran tersebut dapat digunakan untuk membayar gaji guru dan kakitangan serta operasi sekolah tersebut, termasuk bil elektrik dan air. Kini, pihak sekolah mempunyai 12 guru tetapi hanya 10 guru yang layak menerima bayaran gaji daripada Jabatan Agama Islam Selangor (Jais).

## PERLUKAN BANTUAN

Kafa Integrasi Al-Insaniah bukan sahaja berdepan dengan masalah kewangan tetapi juga sikap buruk sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab menceroob kawasan sekolah yang hanya dipagari kawat hijau.

"Sebelum ini dalam setahun empat hingga lima kali sekolah dipecah masuk. Pejabat digeledah, apa sahaja peralatan guru diambil. Kantin juga dipecah masuk," kata Norazainah.

Datarul Uloom Sitaru Khan menyalah pengibinan empat kelas pada 2004 dan ini menjadikan kepada 12 kelas di sekolah itu.

Kini pihak sekolah hanya dapat mengutip yuran bulanan kira-kira RM4,000 iaitu hanya separuh daripada jumlah sebenar. Norazainah berharap dapat membangunkan mini perpustakaan dan pusat ICT bagi kemudahan murid pada masa akan datang.

Mereka yang ingin menghulurkan bantuan, boleh menghubungi Norazainah (017-3217971). Pihak sekolah juga menerima penajaan yuran kepada murid. Butiran lanjut boleh diperoleh dengan melayari Facebook, [www.facebook.com/helpKafa](http://www.facebook.com/helpKafa). Pihak sekolah juga menerima sumbangan terus ke akaun Maybank Kafa Integrasi Al-Insaniah, nombor akaun 562496003074. - Bernama



Murid Kafa Integrasi Al-Insaniah bersemangat untuk belajar.